

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (20)

11 Februari 2018
25 Jamadilawal 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 15/2018

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2016 KEMAJUAN KERJAYA LALUAN SECARA PANTAS (FAST TRACK) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 95 bertarikh 17 Januari 2018 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2016 mengenai Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas (*Fast Track*) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2016 ini menjelaskan kaedah pelaksanaan laluan kerjaya secara pantas (selepas ini disebut sebagai laluan *fast track*) bagi mengiktiraf pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpotensi tinggi iaitu memiliki daya kepimpinan, pemikiran dan komunikasi aras tinggi serta merupakan pencetus inovasi nilai (inovasi berimpak tinggi dengan kos yang rendah). Pegawai juga membudayakan akauntabiliti dan bertindak atas prinsip, membuat keputusan strategik, berani mengambil risiko dan bijak mengurus kepelbagaian pemegang taruh (*stakeholder*) ke arah memastikan kelestarian kepimpinan perkhidmatan awam yang berkaliber dan berpersonaliti unggul. Pegawai *fast track* ini merupakan calon yang berpotensi untuk mengisi jawatan strategik semasa dan akan datang.

3. Pegawai awam yang dikenal pasti berpotensi tinggi boleh diberi keutamaan mengisi kekosongan jawatan di gred lebih tinggi mendahului pegawai lain di gred yang sama atau gred yang lebih kanan dalam skim perkhidmatan yang sama oleh Lembaga Kenaikan Pangkat, setelah memenuhi semua syarat kenaikan pangkat yang berkuat kuasa dan melepasi tapisan *fast track*.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum berkenaan pemakaian pekeliling ini. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan. Maklumat lanjut berhubung pekeliling boleh dirujuk ke Seksyen Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah